

**SUBANG, Isnin** — Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya pembunuhan beramai-ramai rakyat awam Palestin di Beirut Barat dalam Persidangan Islam yang dianjurkan oleh Majlis Islam Antarabangsa.

Pendapat dan pandangan Malaysia terhadap kejadian baru itu disuarakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Encik Anwar Ibrahim.

Bercakap kepada para pemberita sekembalinya dari menghadiri persidangan di Paris itu, Encik Anwar menegaskan sikap Malaysia mengenai masalah tersebut adalah jelas.

"Bahkan negara-negara lain mensifatkan suara-suara pemimpin Malaysia adalah yang paling lantang sekali," katanya.

Encik Anwar yang juga Ketua Pemuda UMNO berkata, persidangan tersebut juga sebuat suara mengutuk Israel dan Amerika terhadap perbuatan zalim yang dilakukan ke atas rakyat Palestin.

Persidangan juga menyeru negara-negara berkenaan mengambil tindakan positif terhadap peristiwa tersebut.

Semasa berada di luar negeri selama se-

# Kita kutuk keras pembunuhan di Beirut — Anwar

puluh hari, Encik Anwar juga mengadakan pertemuan dengan pelajar-pelajar Malaysia di United Kingdom.

"Saya memberitahu bahawa mereka boleh menegur kerajaan tetapi ada batas yang harus dihormati," jelasnya kepada kira-kira 400 pelajar Malaysia yang hadir.

Beliau juga menjelaskan tentang perkembangan terbaru negara di samping memberi penegasan mengenai Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Pertubuhan dan lain-lain yang mempunyai kepentingan kepada pelajar-pelajar supaya tidak disalahtafsirkan.

Beliau berharap

pelajar-pelajar tersebut tidak membuat tuduhan melalui sebaliknya mestilah mempunyai sikap liberal terhadap perubahan.

Bagaimanapun, Encik Anwar berkata, pelajar-pelajar tersebut telah menerima secara positif penerangan beliau.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia